

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA MUDA DATO' PAHLAWAN
DANYAL BALAGOPAL ABDULLAH (B)
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 14 OGOS 2018 (SELASA)

SOALAN : 7

Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B)
[Port Dickson] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan-rancangan atau langkah-langkah yang telah diambil mengikut Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dalam membina semula rangkaian landasan kereta api dari Seremban ke Port Dickson.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan projek landasan kereta api dari Seremban ke Port Dickson tidak tersenarai dalam Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020). Kerajaan perlu mengkaji terlebih dahulu keperluan dan kebolehlaksanaan atau *feasibility* sesuatu projek sebelum ia boleh dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks Rancangan Malaysia Vision Valley, yang diura-urakan oleh Kerajaan Negeri sebelum pilihan raya lalu,beberapa perbincangan awal telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan yang lalu dengan Kerajaan Negeri yang lalu berkenaan pembangunan rangkaian keretapi di wilayah Malaysia Vision Valley termasuklah rangkaian dari Seremban ke Port Dickson.

Memandangkan ianya akan melibatkan kos yang tinggi, Kerajaan Negeri ketika itu telah diminta untuk melaksanakan kajian kebolehlaksanaan serta mengkaji impak dari aspek sosial, ekonomi dan pembangunan setempat. Sehingga kini, pihak Kerajaan Negeri masih belum mengemukakan hasil kajian tersebut.

Selain itu, bagi menyelaraskan pembangunan pengangkutan awam darat di peringkat nasional, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah membangunkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Negara.

Kini, pihak SPAD sedang membangunkan kajian RIPAD bagi Wilayah Selatan yang melibatkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor (Seremban

dan Port Dickson juga termasuk di dalam kajian ini) bagi memperhalusi dasar-dasar yang digariskan di dalam RIPAD Negara. Ahli Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal bagi kajian ini turut melibatkan UPEN, agensi pusat dan negeri serta pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembangunan RIPAD Wilayah Selatan telah memasuki fasa laporan akhir yang dijadualkan siap pada 31 Oktober 2018.

Penemuan kajian di peringkat Laporan Interim telah mengenal pasti keperluan untuk meningkatkan kesalinghubungan di antara daerah Seremban dengan Port Dickson sama ada kesalinghubungan di dalam atau di antara wilayah bagi menampung limpahan pembangunan sedia ada dan masa hadapan. Kajian di peringkat laporan akhir akan menimbang semula keperluan membina semula atau menaiktaraf rangkaian laluan tersebut dan akan memberikan cadangan yang terbaik untuk kepentingan rakyat kelak.

Selain daripada itu, bagi menampung keperluan semasa dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan bas yang efisien, pada tahun 2015 Kerajaan menerusi SPAD telah memperkenalkan program penambahbaikan bas henti-henti bagi Daerah Seremban yang juga merangkumi jajaran bandar Seremban dengan Port Dickson melalui penambahan jumlah bas serta perkhidmatan yang lebih kerap.